

Lawatan Anwar ke Pakistan raih potensi dagangan RM2.65 bilion

Rangka kerja Perdana Menteri turut hasilkan komitmen pelaburan RM100j sektor halal

Islamabad: Lawatan negara tiga hari Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Pakistan berjaya meraih potensi perdagangan bernilai RM2.65 bilion.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata Pakistan turut memberikan komitmen untuk meningkatkan import minyak kelapa sawit dari Malaysia dan juga import produk berasaskan kayu, baja, petrokimia serta oleokimia.

"Lawatan (negara oleh Perdana Menteri ke Pakistan) turut menghasilkan komitmen pelaburan bernilai RM100 juta dalam sektor halal yang akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun," katanya pada sidang media pada akhir lawatan tiga hari Perdana Menteri, semalam.

Beliau berkata, kedua-dua ne-

gara juga akan mengadakan rundingan pada bulan depan mengenai Perjanjian- Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-Pakistan (MPCEPA).

"Perjanjian MPCEPA sebenarnya sudah lama berkuat kuasa, iaitu sejak Januari 2008 dan kajian semula mengenainya dijangka selesai pada 2026," katanya.

Pelancaran rundingan kajian semula MPCEPA adalah supaya lebih banyak manfaat boleh diraih Malaysia dan Pakistan melalui perjanjian perdagangan bebas (FTA) itu.

Tengku Zafrul turut berkata, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) akan membuka pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) di Karachi pada 15 Oktober ini.

Selepas mesyuarat dua hala antara Malaysia dan Pakistan di Kediaman Rasmi Perdana Menteri Pakistan kelmarin, MATRADE juga menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Pihak Berkuasa Pembangunan Perdagangan Pakistan (TDAP), disaksikan Anwar.

Dalam pada itu, sempena lawatan berkenaan, Perdana Menteri dikurniakan anugerah awam tertinggi Pakistan, Nishan-e-Pakistan, oleh presiden negara itu, Asif Ali Zardari dalam satu ma-

jlis di Istana Presiden, Aiwane-Sadr, semalam.

Terdahulu, Anwar yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke negara Asia Selatan itu, melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Zardari.

"(Anugerah) adalah pengiktirafan tertinggi daripada kerajaan Pakistan atas kepemimpinan Anwar dalam menggalakkan dan meningkatkan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Pakistan," kata Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan Datuk Mohammad Azhar Mazlan kepada media Malaysia, baru-baru ini.

Yang turut menghadiri majlis anugerah itu Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan, Tengku Zafrul dan anggota delegasi Malaysia yang lain.

Presiden Zardari kemudian meraikan Perdana Menteri Malaysia itu dalam majlis makan malam di Istana Presiden.

Malaysia dan Pakistan menjalin hubungan diplomatik pada 1957 apabila negara mencapai kemerdekaan.

Pada 2019, Malaysia dan Pakistan menandatangani perjanjian Perkongsian Strategik.

Kuala Lumpur dan Islamabad juga memeterai MPCEPA pada 2008 yang merangkumi perdagangan barangan, pelaburan dan kerjasama teknikal.

Pakistan adalah destinasi eksport ketiga terbesar Malaysia di Asia Selatan sejak 2016.

Perdagangan dua hala antara kedua-dua negara berjumlah RM6.43 bilion tahun lalu, membabitkan eksport dari Malaysia berjumlah RM4.39 bilion, manakala import negara dari Pakistan bernilai RM2.04 bilion, dengan lebih dagangan RM2.34 bilion memihak kepada Malaysia.

Bagi tujuh bulan pertama tahun ini, perdagangan dua hala antara Malaysia dan Pakistan berjumlah RM5.10 bilion.

Sementara itu, Anwar pada sidang media Malaysia pada akhir lawatan berkata, lawatan negara ke Pakistan kali ini membuktikan kesungguhan kepimpinan tertinggi kedua-dua negara untuk meningkatkan hubungan merangkumi pelbagai bidang, termasuk ekonomi.

Katanya, ada potensi besar dalam hubungan perdagangan yang perlu dipelopori membabitkan beberapa projek yang bakal diusahakan kedua-dua pihak.

"Mesyuarat dua hala antara Malaysia dan Pakistan membuah hasil yang amat baik, terutama dalam rangka untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala, hubungan antara ra-

kyat (people-to-people) yang sudah wujud sejak ratusan tahun serta hubungan diplomatik kedua-dua negara yang sudah lama wujud," katanya.

Perdana Menteri mengakui bahawa hubungan perdagangan di antara Malaysia dan Pakistan agak 'malap' dengan nilai perdagangan hanya cecah AS\$1.5 bilion (RM6.33 bilion) tahun lalu, walaupun menjalinkan hubungan diplomatik sejak 1957.

Perdana Menteri berkata, kepimpinan kedua-dua negara telah mengadakan perbincangan yang serius untuk meningkatkan kerjasama dalam semua bidang perdagangan dan teknologi pertanian termasuk berkaitan daging, beras dan import minyak kelapa sawit oleh Pakistan.

Kedua-dua negara katanya, akan turut memperluas kerjasama dalam sektor pekerja mahir menerusi bidang kritikal seperti kecerdasan buatan (AI), digital dan semikonduktor.

Selain itu, perbincangan juga menyentuh mengenai zon ekonomi khas dan kerjasama dalam bidang pertahanan.

Pakistan menurut Anwar berpotensi untuk menjadi pintu masuk kepada syarikat Malaysia yang mahu mengembangkan pasaran di Asia Tengah dan Asia Barat. BERNAMA